

# Pengisian rohani dalam karnival belia asrama UPM

**Kuala Lumpur:** Demi men-  
erapkan nilai murni dalam  
kalangan masyarakat teru-  
tamanya golongan penun-  
tut, Majlis Tertinggi Maha-  
siswa Kolej Canselor Uni-  
versiti Putra Malaysia  
(UPM) akan menganjurkan  
Putra Canselor Carnival  
(PCC) yang bertemakan  
'Youth On The Move'.

Karnival itu yang akan di-  
anjurkan bermula 14 hingga  
16 November depan ber-  
tempat di Kolej Canselor Pa-  
dang C, UPM akan menye-  
diakan pelbagai aktiviti  
khusus untuk golongan mu-  
da termasuk menggalakkan  
kegiatan kemasyarakatan.

Pengarah Jawatankuasa Ek-  
sekutif dan Pelaksana PCC  
Muhammad Syafiq Farhan  
Boo Omar Boo berkata, kar-  
nival tiga hari itu akan me-  
nyajikan pelbagai program  
antaranya aktiviti sukan,  
mental, intelek dan pemban-  
gunan rohani untuk peserta.

"Dalam karnival ini juga  
kita akan menganjurkan  
aktiviti sukan berupa futsal  
dan sepak takraw bagi  
menggalakkan warga pe-  
nuntut membabitkan me-  
ngamalkan gaya hidup sihat  
dan tidak tertumpu kepada  
akademik semata-mata.

"Selain aktiviti fizikal, kita  
juga ada merangka beberapa  
program lain antaranya per-  
tandingan mencipta komik  
berantai yang mempunyai  
mesej tertentu termasuk  
pertandingan catur," kata-  
nya menerusi satu kenya-

taan, di sini, semalam.

Muhammad Syafiq Farhan  
dalam kenyataan itu berkata,  
pihaknya turut memprom-  
sikan kempen kampus hijau  
serta menyemai sikap betapa  
penting menjaga alam sekitar  
kepada warga institusi penga-  
jian tinggi itu sekali gus men-  
didik masyarakat sekeliling.

Beliau berkata, penganju-  
ran karnival itu juga akan  
menjemput anak-anak ya-  
tim yang akan menginap di  
Kolej Canselor, manakala  
warga kolej itu akan men-  
jadi sukarelawan atau men-  
tor terhadap anak-anak ini  
serta memberi inspirasi ke-  
pada mereka untuk terus  
berusaha dalam bidang  
akademik.

"Secara asasnya, PCC ini  
adalah satu kaedah dalam  
membentuk masyarakat  
yang sentiasa dahagakan  
nilai sepanjang hayat yang  
berkesan dan ia diterapkan  
sepanjang penganjuran  
kempen ini.

"Pengisian jasmani, emo-  
si, rohani dan intelek pada  
usia muda sememangnya  
intipati wajib yang perlu di-  
utamakan oleh setiap lapi-  
san masyarakat, terutama-  
nya golongan penuntut aka-  
demik," katanya.

Beliau berharap bahawa  
penganjuran karnival itu  
dapat memberi kesan positif  
terutamanya dalam kala-  
ngan penuntut supaya me-  
reka mempunyai kemahi-  
ran tinggi dari segi komu-  
nikasi dan kepimpinan.